

10/07/2002

Syor syarat ketat terhadap nelayan Thai

KUALA LUMPUR, Selasa - Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), meminta kerajaan mengenakan syarat ketat dalam rancangan menawarkan 100 bot untuk disewa nelayan Thai bagi menangkap ikan di perairan negara ini.

Presidennya, Jusoh Awang, berkata kerajaan perlu memantau pergerakan nelayan terbabit bagi mengelak pemalsuan lesen dan kemasukan terlalu ramai nelayan Thai di perairan negara.

Beliau yang dihubungi di sini hari ini berkata, pemberian lesen itu pernah diwujudkan pada 1980an tetapi hanya bertahan untuk beberapa tahun berikutan nelayan dari negara berkenaan melakukan pemalsuan lesen dan tidak menggunakan kilang memproses ikan di negara ini.

Justeru, katanya, kerajaan perlu lebih bijak mengatur cara terbaik bagi mewujudkan situasi menang menang sebelum memulakan jalinan kerjasama dengan negara itu dalam sektor perikanan.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia menawarkan 100 bot untuk disewa nelayan Thai bagi menangkap ikan di perairan negara ini, sebagai permulaan menjalin kerjasama sektor perikanan dengan Thailand.

Bagaimanapun Syed Hamid berkata, negara jiran itu hendaklah menggunakan kilang memproses ikan di Malaysia supaya negara ini mendapat keuntungan bersama.

Difahamkan, isu itu dibincangkan dalam lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Thailand berikutan banyak kes pencerobohan bot nelayan Thailand dilaporkan di perairan negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.